

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]**

**SOALAN**

**TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi menyelesaikan masalah pengelasan sisa rawatan air sebagai bahan buangan terjadual (scheduled waste) dan Pelan Pengurusan Sisa Rawatan Air Negara. Perincikan dan sekiranya tiada, apakah pendekatan yang digunakan kini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Pada masa ini, sisa air tertakluk kepada peruntukan perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang berkaitan dengan pencegahan, penghapusan dan pengawalan pencemaran serta pemuliharaan alam sekeliling. Selain itu, sisa air juga tertakluk kepada perundangan subsidiari di bawah Akta tersebut iaitu Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009. Bahagian IV(A) Seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 memperuntukkan bahawa sebarang bahan yang diklasifikasikan sebagai buangan terjadual tidak dibenarkan untuk dilupuskan tanpa kebenaran dan pelanggaran terhadap undang-undang boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit (RM 500,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.
  
2. Bagi tujuan pelupusan sisa air, operator air perlu mendapatkan kelulusan khas buangan terjadual daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengikut Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Kelulusan khas ini diberikan dengan syarat-syarat tertentu

yang merangkumi semua aspek pengendalian sisa air termasuk kuantiti maksimum buangan yang dibenarkan untuk dilupuskan, penggunaan pengangkutan serta pelupusan yang sesuai. Peraturan ini juga membenarkan operator air untuk melupuskan sisa air di dalam kawasan loji rawatan air atau kawasan milik operator dengan mematuhi kelulusan dan kriteria minimum yang dikuatkuasakan oleh JAS.

3. Selaras dengan usaha untuk menangani masalah pelupusan sisa air di negara ini yang semakin bertambah dari masa ke semasa, satu Pasukan Petugas (Task Force) yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Bahagian Bekalan Air (BBA) KASA, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (NAHRIM), Malaysia Water Engineer Actions Committee (MyWAC), Malaysian Water Association (MWA) dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) telah ditubuhkan pada bulan April 2020 untuk menjalankan kajian yang merangkumi analisa data, maklumat dan laporan sedia ada berkaitan sisa air di Malaysia. Berdasarkan penemuan kajian, KASA bersetuju supaya sisa air dikeluarkan daripada senarai bahan buangan berjadual di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan ianya akan dikawal selia oleh SPAN melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

4. Dalam hal ini, SPAN sedang dalam proses untuk meminda Akta 655 di mana sisa air akan dimasukkan sebagai sebahagian daripada sistem bekalan air dan akan dikawal selia di bawah Kaedah-Kaedah Industri Perkhidmatan Air (Standard Prestasi Perkhidmatan Bekalan Air) yang akan merangkumi keperluan penyediaan kemudahan rawatan sisa air, penggunaan semula dan/atau pelupusan sisa air.

5. Sementara menunggu pindaan kepada Akta 655 dimuktamadkan, SPAN akan mengawal selia pengurusan sisa air melalui peruntukan Seksyen 180 (m) di bawah Akta 655 melalui standard prestasi perkhidmatan yang mana ianya perlu dipatuhi oleh operator loji melalui *Key Performance Index* yang telah ditetapkan dan melaksanakan kaedah guna semula mengikut kemampuan sebelum operator boleh memilih untuk melupuskan sisa air tersebut.

Sekian. Terima kasih.